

Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor

Oleh:

Prof Madya Dr Hj Azizi Bin Hj Yahaya
Badruzaman Baharom

UTM Skudai

Pengenalan

- Sejak kebelakangan ini kadar jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja semakin meningkat dengan begitu ketara sekali, termasuklah golongan remaja yang sedang bersekolah.
- Fenomena ini amat membimbangkan semua pihak, khususnya ibu bapa, guru, masyarakat dan pihak pemerintah.
- Golongan ini bukan sekadar nakal dengan ponteng sekolah, melepak, melawan guru atau menghisap rokok sahaja, malahan ada di antaranya terlibat dengan pelbagai jenayah yang dikategorikan serius seperti memukul, mencederakan, membunuh, merogol, terlibat dengan kegiatan samseng, memeras ugut dan seumpamanya.

- Contohnya, kes pembunuhan seorang kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun pada tahun 2000 yang dilakukan oleh seorang remaja belasan tahun yang sedang bersekolah (Berita Harian 24 Oktober 2000).
- Contoh kedua, kes rogol dan pembunuhan seorang pelajar perempuan yang juga turut dilakukan oleh seorang pelajar lelaki yang sedang bersekolah di Merlimau, Melaka pada tahun 2001 (Utusan Malaysia 6 Julai 2001).
- Di Pulau Pinang, laporan menunjukkan kes gangsterisme di kalangan pelajar sekolah semakin meningkat (The Star, 21 Mei 1998).
- Banyak lagi kes-kes jenayah yang melibatkan remaja, namun hanya sebahagian sahaja yang dilaporkan.

Senario Tingkah laku Devian di Kalangan Pelajar Remaja

- Tingkah laku devian yang sering dilakukan oleh pelajar remaja masa kini adalah daripada bentuk yang sekecil-kecilnya iaitu ponteng sekolah hinggalah kepada salah laku yang lebih serius iaitu seperti melawan guru, memukul, membuli, berjudi, menyamun, curi motosikal, lumba haram, merogol, membunuh, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, lari dari rumah, pelacuran, terbabit dengan video lucah, minum minuman keras, penyalahgunaan dadah dan juga apa jua bentuk salah laku yang sering dipaparkan di akhbar.
- Kadar salah laku ini semakin meningkat dari hari ke hari.

9.13 KES JUVANA MENGIKUT NEGERI, 2000-2004*JUVENILE CASES BY STATE, 2000-2004***Kes yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat***Cases reported to the Department of Social Welfare*

Negeri State	2000	2001	2002	2003	2004
Johor	585	568	381	558	751
Kedah	315	358	342	443	334
Kelantan	307	366	347	432	325
Melaka	82	97	70	77	117
Negeri Sembilan	479	319	263	153	246
Pahang	266	383	342	290	182
Perak	583	529	519	326	713
Perlis	40	78	124	106	100
Pulau Pinang	512	471	351	317	317
Selangor	878	831	903	835	816
Terengganu	372	251	406	525	525
WP Kuala Lumpur	296	528	777	581	874
WP Labuan	9	16	0	10	0
Sabah	130	121	191	155	394
Sarawak	430	266	303	190	362
Jumlah / Total	5,284	5,182	5,319	4,998	6,056

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia*Source : Department of Social Welfare, Malaysia*

Tingkah Laku Devian

- Robert Merton (1938) menyatakan tingkah laku devian sebagai kelakuan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial.
- Menurut Mc Caghy (1985), tingkah laku devian adalah tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat.
- Albert Cohen mentakrifkan tingkah laku devian sebagai kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan, iaitu jangkauan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial.
- Azizi et al. (2005) menyatakan tingkah laku devian sering dikaitkan dengan tingkah laku agresif, langsung, seksual dan delinkuen.

- Tingkah laku devian boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu fizikal dan verbal (Pepler, 1988).
- Tingkah laku devian fizikal adalah berbentuk kekerasan fizikal iaitu seperti memukul, mencederakan, membunuh, merogol, merompak, membuli fizikal, memusnah, dan sebagainya.
- Tingkah laku devian verbal adalah seperti mengejek, mencerca, mengugut atau mengancam, menyebarkan fitnah dan sebagainya (Smith, 1991).
- Jika tingkah laku devian dilakukan oleh mereka yang berusia di bawah 21 tahun, ianya dianggap sebagai delinkuen.

Persekitaran Keluarga

Di dalam tajuk ini persekitaran keluarga meliputi aspek-aspek berikut :-

- Ciri-ciri tingkah laku ibu bapa atau penjaga remaja devian.
- Jenis-jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa yang dominan.
- Tahap kepatuhan ibu bapa kepada ajaran agama.
- Tahap kasih sayang ibu bapa kepada remaja

Objektif Kajian

- 1. Untuk mengenal pasti ciri-ciri tingkah laku ibu bapa (fizikal, verbal dan anti sosial) yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian**
- 2. Untuk mengenal pasti jenis-jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa remaja devian yang dominan**
- 3. Untuk mengenal pasti tahap kepatuhan kepada agama ibu bapa remaja devian**
- 4. Untuk mengenal pasti tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian**
- 5. Untuk mengenal pasti kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja.**

Tingkah Laku Ibu Bapa Remaja Devian

- Hoffman (1994) menyatakan bahawa keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang ke alam dewasa.
- Rowe et al. (1992) dalam kajiannya mendapati bahawa kebanyakan remaja yang bertingkah laku devian mempunyai ahli keluarga yang juga pernah bertingkah laku sedemikian.
- Patterson (1989) pula mendapati dalam kajiannya, pengaruh keluarga dan rakan sebaya saling berkaitan dalam pembentukan tingkah laku anti sosial remaja.
- Phares dan Compass (1992) dalam kajiannya mendapati ibu bapa didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak dengan memberikan contoh yang tidak baik.

Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian

- Kajian oleh Herzoy et al. (1988) ke atas pesalah juvana menyatakan bahawa 70% responden mereka lari dari rumah dan terlibat dengan dadah disebabkan oleh suasana rumah yang menekan, sikap ibu bapa yang tidak mengambil tahu dan terdapat jurang antara mereka.
- Bandura & Walters (1959) dalam kajian mereka mendapati remaja yang bertingkah laku devian agresif berasal dari keluarga yang ibu bapa mereka menggunakan hukuman fizikal secara yang berlebihan dalam menegakkan disiplin kepada anak-anak.


Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Remaja Devian Kepada Agama

- Phares dan Compass (1992) mendapati ibu bapa banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak, di samping mengabaikan ajaran agama.
- Michelle (1989) menyatakan bahawa ajaran agama dapat menjadi pelita atau pun pegangan moral dalam diri remaja supaya mereka dapat berfikir sebelum melakukan perkara yang tidak bermoral.
- Ramai remaja didapati tidak memahami ajaran agama kerana kurang didikan agama dari ibu bapa mereka (Dr Fadzillah Kamsah, Berita harian 22 Mac 2006).

Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Kepada Remaja Devian

- Abdullah Al-Hadi (1993) dalam kajiannya mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara kerapatan hubungan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.
- Yoshikawa (1994) mendapati bahawa kegagalan keluarga dalam berinteraksi secara berkesan dengan anak-anak menyebabkan anak-anak remaja mudah terpengaruh dengan tingkah laku devian.
- Sokol Katz et al. (1997) dalam kajiannya menekankan bahawa perkembangan personaliti negatif dan tingkah laku devian adalah hasil daripada kegagalan dalam ikatan kekeluargaan.

Kerangka Model Kajian



Metodologi Kajian

- Kajian berbentuk deskriptif.
- Kajian dijalankan ke atas sekumpulan 210 orang pelajar tingkatan empat dari beberapa buah sekolah di Daerah Pontian, Johor.
- Responden dipilih berdasarkan rekod disiplin mereka.
- Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik 129 item yang merangkumi beberapa bahagian berdasarkan kepada objektif kajian.
- Data dianalisis dengan menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Science' versi 11.5.

Dapatan Kajian Berkaitan Dengan Ciri-ciri

Tingkah Laku Ibu Bapa Remaja Devian

- Tingkah laku fizikal negatif ibu bapa yang mempengaruhi remaja bertingkah laku devian fizikal berada pada tahap yang rendah (min=1.97, sisihan piawai=0.58).
- Tingkah laku verbal negatif ibu bapa yang mempengaruhi remaja bertingkah laku devian verbal berada pada tahap yang rendah (min=1.95, sisihan piawai=0.69).
- Tingkah laku anti sosial ibu bapa yang mempengaruhi remaja bertingkah laku devian anti sosial berada pada tahap yang rendah (min=1.47, sisihan piawai=0.51).
- Secara keseluruhannya ciri-ciri tingkah laku negatif ibu bapa yang mempengaruhi remaja bertingkah laku devian adalah pada tahap rendah (min=1.74, sisihan piawai=0.48).

Dapatan Kajian Berkaitan Dengan Jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan

- Gaya asuhan authoritarian yang diamalkan oleh ibu bapa remaja devian berada pada tahap yang rendah (min=2.28, sisihan piawai=0.58).
- Gaya asuhan autoritatif yang diamalkan oleh ibu bapa remaja devian berada pada tahap yang tinggi (min=3.74, sisihan piawai=0.80).
- Gaya asuhan permisif yang diamalkan oleh ibu bapa remaja devian berada pada tahap yang rendah (min=2.10, sisihan piawai=0.63).
- Secara keseluruhannya, corak gaya asuhan ibu bapa remaja devian yang dominan berada pada tahap yang sederhana (min=2.66, sisihan piawai=0.41).

Dapatan Kajian Berkaitan Dengan Tahap Kepatuhan Kepada Ajaran Agama Ibu Bapa Remaja Devian

- Tahap kepatuhan kepada ajaran agama ibu bapa remaja devian dari aspek taat mengerjakan suruhan agama berada pada tahap yang tinggi (min=3.93, sisihan piawai=0.77).
- Tahap kepatuhan kepada ajaran agama ibu bapa remaja devian dari aspek tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama berada pada tahap yang rendah (min=1.58, sisihan piawai=0.54).
- Secara keseluruhannya, tahap kepatuhan kepada ajaran agama ibu bapa remaja devian berada pada tahap yang sederhana (min=2.66, sisihan piawai=0.31).

Dapatan Kajian Berkaitan Dengan Tahap kasih Sayang Ibu Bapa Kepada Remaja Devian

- Tahap kasih sayang ibu bapa kepada remaja devian dari aspek menunjukkan kasih sayang berada pada tahap yang tinggi (min=3.71, sisihan piawai=0.75).
- Tahap kasih sayang ibu bapa kepada remaja devian dari aspek penolakan berada pada tahap yang rendah (min=2.13, sisihan piawai=0.79).
- Secara keseluruhannya, tahap kasih sayang ibu bapa kepada remaja devian berada pada tahap yang sederhana (min=3.32, sisihan piawai=0.54).

Dapatan Kajian Berkaitan Dengan Kekekrapan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja

- Kekekrapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku devian fizikal berada pada tahap yang rendah (min=1.57, sisihan piawai=0.44).
- Kekekrapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku devian verbal berada pada tahap yang rendah (min=1.86, sisihan piawai=0.55).
- Kekekrapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku devian seksual berada pada tahap yang rendah (min=1.42, sisihan piawai=0.50).
- Kekekrapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku devian anti sosial berada pada tahap yang rendah (min=1.65, sisihan piawai=0.49).
- Secara keseluruhannya, kekekrapan tingkah laku devian di kalangan remaja berada pada tahap yang rendah (min=1.63, sisihan piawai=0.45).

Dapatan Kajian Berdasarkan Hipotesis

- Terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.
- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.
- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja.
- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.
- Terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian remaja lelaki dengan remaja perempuan.

Cadangan 1

- Dapatan kajian menunjukkan ponteng sekolah merupakan salah satu tingkah laku devian yang mencatat min tertinggi (min=2.37).
- Pelajar remaja yang sering ponteng sekolah sering terdedah kepada pelbagai gejala negatif yang boleh membawa kepada tingkah laku devian yang lebih serius.
- Aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah haruslah ditingkatkan mutunya agar dapat menarik minat pelajar.
- Pelajar juga perlu diberikan motivasi secukupnya agar mereka sedar kepentingan menghadiri diri ke sekolah.
- Masyarakat seharusnya lebih peka dan berperanan mengesan dan melapor kepada pihak sekolah tentang aktiviti ponteng sekolah kepada pihak sekolah dan ibu bapa pelajar terbabit.

Cadangan 2

- Dapatan kajian juga menunjukkan tingkah laku menonton filem lucah mencatat min antara yang tertinggi (min=2.07).
- Ibu bapa seharusnya mampu mengawasi pergerakan dan tingkah laku anak-anak mereka sewaktu di dalam atau pun di luar rumah.
- Ibu bapa juga perlu memastikan mereka dan anak-anak mereka tidak menyimpan barangan berunsur lucah seperti VCD lucah, majalah-majalah porno atau juga melayari laman-laman web lucah, iaitu dengan memeriksa bilik anak-anak mereka.
- Sesi-sesi penerangan melalui mesyuarat PIBG juga boleh digunakan bagi menerangkan tentang gejala ini.

Cadangan 3

- Dapatan kajian juga menunjukkan tingkah laku menghisap rokok mencatat min antara yang tertinggi (min=2.18).
- Tingkah laku menghisap rokok dikhuatiri boleh menjerumuskan pelajar remaja kepada pengambilan atau salah guna dadah.
- Ibu bapa seharusnya mampu mengawasi pergerakan dan tingkah laku anak-anak mereka sewaktu di dalam atau pun di luar rumah.
- Ibu bapa juga perlu memastikan anak-anak mereka tidak menyimpan rokok atau menghisap rokok iaitu dengan memeriksa bilik anak-anak mereka.
- Sesi-sesi penerangan melalui mesyuarat PIBG juga boleh digunakan bagi menerangkan tentang gejala ini.

Penutup

- Remaja kini adalah aset negara pada masa depan.
- Mereka haruslah diberikan didikan dan bimbingan secukupnya agar menjadi individu yang mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara.
- Era globalisasi yang semakin hebat melanda membawa bersama pelbagai unsur negatif, oleh itu remaja haruslah diberikan benteng pertahanan yang kukuh agar mampu menangkis unsur-unsur negatif tersebut dengan didikan agama yang secukupnya.
- Keluarga yang sejahtera akan mampu menghasilkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.